



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MEKANISME PENCEGAHAN JENAYAH DALAM KALANGAN MASYARAKAT DI NEGERI PERAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



ptbupsi

WAN NURUL WAHIDAH BINTI WAN LANANG

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MEKANISME PENCEGAHAN JENAYAH DALAM KALANGAN MASYARAKAT DI NEGERI PERAK

WAN NURUL WAHIDAH BINTI WAN LANANG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI PustakaTBainun
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**



ptbupsi

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 6 (hari bulan) 7 (bulan) 2021.

i. Perakuan pelajar:

Saya, WAN NURUL WAHIDAH BINTI WAN LANANG (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk MEKANISME PENCEGAHAN JENAYAH DALAM KALANGAN MASYARAKAT DI NEGERI PERAK

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, MUHAMAD SAYUTI HASSAN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk MEKANISME PENCEGAHAN JENAYAH DALAM KALANGAN MASYARAKAT DI NEGERI PERAK

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh ijazah SARJANA SAISTERA (PENGAJIAN MACAYA) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).


14/7/2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR MUHAMAD SAYUTI HASSAN
Pensyarah Kanan,
Fakulti Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia

*Formerly Pensyarah Kanan
at PSC, UPSI*



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: MEKANISME PENCEGAHAN JENAYAH DALAM
KALANGAN MASYARAKAT DI NEGERI PERAK

No. Matrik / Matric's No.: M20152002134

Saya / I : _____

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below -

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasm 1972 / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasibadan di mana penyelidikan ini dijalankan / Contains restricted information as specified by the organization where research was done

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 12/07/2021

DR MOHAMAD SAYUTI HASSAN
(Tandatangan Penyayarah / Signature of Supervisor)
& (Nama & Gelaran / Name & Official Stamp)

Pakumi Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Formerly Pensyarah Ugnah
di P&K, UPSI

Catalan. Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Selawat buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW atas segala kemudahan dan pemberian nikmat kesihatan serta masa lapang untuk menyempurnakan kajian ini. Alhamdulillah ya Allah. Moga kajian ini mendapat berkat seterusnya memberi manfaat kepada umat manusia.

Jutaan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan khas untuk penyelia penyelidikan saya, Dr. Muhamad Sayuti Bin Hassan @ Yahya atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan sokongan yang telah banyak diberikan kepada saya dalam menyempurnakan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM), terutamanya Tuan ACP Ahmad Rabawi Bin Abd Jamil selaku Timbalan Ketua JPJKK (Perancangan Strategik) Kontjen Perak, Encik Mohd Fadzil bin Abd. Latif selaku Pegawai JKM Perak, Encik Zaizulman Zainal Abidin, Pegawai JPNIN Perak Daerah Taiping dan Puan Lidiawati Zamri, Pegawai JPNIN Perak Daerah Ipoh, Dr. Adib Vincent Tung bin Abdullah mewakili ahli MCPF Perak yang telah memberikan kerjasama sewaktu kajian lapangan. Terima kasih juga kepada Encik Abd Rashid Saari, Ketua Kampung Pinang, Kamunting, Perak dan semua warga penduduk Kampung Manjoi, Ipoh, Perak kerana memberi kerjasama untuk dapatkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada penaja pengajian saya, iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah geran penyelidikan Research Acculturate Grant Scheme (RAGS), Kod 2015-0181-107-72 (RAGS/1/2015/SS10/UPSI02/4) kerana memberikan peluang menjalankan kajian ini.

Seterusnya, buat ibunda tercinta Rukinah binti Md Nor, abahku Shaari Bin Hamzah dan adik-adik saya, Angah, Achik, Iba, Amer, Fatin, Aima, Asma, Adik Su yang sentiasa menghulurkan doa dan sokongan yang padu kepada Along untuk terus berjuang menyiapkan kajian. Andai kajian ini diterima sebagai ibadah, moga pahalanya sampai kepada arwah ayahandaku, Wan Lanang bin Wan Muda. Segunung penghargaan buat suamiku yang tersayang, Zakaria bin Mohd yang sudi menyalurkan bantuan di kala si isteri memerlukan ruang dan waktu, memberikan sokongan padu yang tidak putus-putus dan sekalung doa abang menjadi nadi perjuangan si isteri untuk meneruskan Ijazah Sarjana ini.

Sejambak bunga perhargaan kepada sahabat baikku, Nurul Raihana Abdullah @ Ann, Nurfarhana Hassan @ Epah dan Mohamad Syafiq Bin Zainal yang tidak pernah jemu memberikan sokongan jitu buatku dan selalu ada di kala susah dan senang. Tidak dilupakan juga bekas teman sebilikku tersayang, Yani, insan yang selalu memberi semangat serta bekas teman serumahku Siti, Zaty, Syerah dan Ain. Buat sahabat seperjuangan dan individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan tesis ini, jutaan terima kasih atas bantuan yang dihulurkan. Hanya Allah sahaja yang mampu membala jasa baik kalian semua.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis jenayah paling tinggi yang berlaku dalam kalangan masyarakat di Perak. Seterusnya, menganalisis mekanisme pencegahan jenayah yang sedia ada di Malaysia. Kemudian, menilai mekanisme pencegahan jenayah dalam masyarakat di negara United Kingdom dan Jepun dan mencadangkan penambahbaikan dalam usaha pencegahan jenayah. Kajian ini menggunakan kaedah rentas disiplin yang merangkumi kriminologi dan sains sosial melalui pendekatan kualitatif, iaitu kajian mendalam bagi menangani isu jenayah dalam kalangan masyarakat di negeri Perak, iaitu meliputi kawasan bandar dan luar bandar di Ipoh dan Taiping. Seramai 18 orang responden yang terdiri daripada pegawai PDRM, JPNIN, JKM, MCPF dan masyarakat tempatan. Data dikumpul menggunakan kaedah pemilihan keseluruhan sampel populasi bagi badan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan serta masyarakat melalui soal selidik dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Secara keseluruhannya, jenayah harta benda adalah dilaporkan sebagai jenayah tertinggi dalam kalangan masyarakat di Perak iaitu sebanyak 2,330 kes yang direkodkan pada bulan Januari hingga bulan Jun tahun 2016 walaupun berlaku penurunan berbanding Januari hingga bulan Jun pada 2015 iaitu sebanyak 2,352 kes. Dapatan kajian menunjukkan terdapat pelbagai inisiatif dalam mekanisme pencegahan jenayah yang sedia ada melalui pelaksanaan program PDRM, JPNIN, JKM dan MCPF. Selain itu, dapatan kajian melalui mekanisme pencegahan jenayah dalam masyarakat di United Kingdom dan Jepun wajar dijadikan rujukan untuk cadangan penambahbaikan mekanisme pencegahan jenayah di Malaysia. Kesimpulannya, kajian ini mencadangkan agar Model Mekanisme Program Pencegahan Jenayah Malaysia dapat dilaksanakan dengan melibatkan kerjasama semua pihak terutamanya penglibatan masyarakat dalam menangani jenayah. Implikasinya, kajian ini dapat dijadikan garis panduan kepada pihak berkuasa seperti PDRM, JPNIN, JKM, RT, SRS, MCPF serta masyarakat untuk merangka program-program yang bersesuaian dengan sosiobudaya masyarakat Malaysia setempat seterusnya dapat membantu Malaysia ke arah negara yang lebih aman dan kurang jenayah.

Kata kunci: mekanisme pencegahan jenayah, jenayah, masyarakat, pencegahan jenayah.





MECHANISMS OF CRIME PREVENTION IN THE SOCIETY IN PERAK

ABSTRACT

This study aims to identify the highest crime rate among the people of Perak. Next, to analyze the existing crime prevention mechanisms in Malaysia. Then, evaluate the mechanisms of crime prevention in the societies of the United Kingdom and Japan and suggest the improvements in crime prevention efforts. This study uses cross-disciplinary methods that cover criminology and social science through a qualitative approach, which is an in-depth study to know the issue of crime among the society in Perak, such as at city and rural areas in Ipoh and Taiping. There were 18 respondents comprising of PDRM, JPNIN, JKM, MCPF and local community. The data were collected using the overall population sampling method for government bodies, non-governmental organizations and the public through questionnaires and analyzed using descriptive statistics. On the whole, property crime is reported to be the highest crime among society in Perak with 2,330 cases recorded from January to June 2016 despite a decline from January to June in 2015 of 2,352 cases. The findings show that there are various initiatives in existing crime prevention mechanisms through the implementation of PDRM, JPNIN, JKM and MCPF programs. In addition, the findings of the study through the mechanism of crime prevention in the United Kingdom and Japan should serve as a reference for the proposed improvement of the crime prevention mechanism in Malaysia. In conclusion, this study proposes that the Malaysian Model Mechanism for Crime Prevention Program can be implemented by involving the cooperation of all parties, especially the involvement of the society in reducing crime. The implication is that this study can serve as a guide to the authorities such as the PDRM, JPNIN, JKM, RT, SRS, MCPF and the public to develop the programs that are relevant to the local Malaysian society and thus help Malaysia towards a safer and less crime-ridden country.

Keywords: mechanisms of crime prevention, crime, society, crime prevention.





KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI GAMBAR	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian	13
1.6 Metodologi Kajian	13
1.6.1 Populasi dan Persampelan Kajian	16
1.6.2 Analisis Maklumat Responden	18
1.6.3 Instrumen Kajian	22





1.6.4 Kajian Rintis	23
1.6.5 Tatacara Pengumpulan Data	24
1.6.6 Kaedah Pengumpulan Data	24
1.6.7 Analisis Data	29
1.6.8 Triangulasi Data	30
1.7 Kepentingan Kajian	32
1.8 Skop Kajian	34
1.9 Rumusan	35

BAB 2 TAKRIFAN KONSEP, TEORI DAN KEADAAN JENAYAH DI NEGERI PERAK

2.1 Pengenalan	37
2.2 Mekanisme Pencegahan Jenayah dan Teori Persekutaran Fizikal	38
i) Teori ‘Broken Window’	38
ii) Teori ‘Eyes On The Street’	42
iii) Teori ‘Defensible Space’	43
iv) Teori ‘Situational Prevention’	45
2.3 Takrifan Konsep	47
2.3.1 Masyarakat	47
2.3.2 Jenayah	49
2.3.3 Mekanisme	51
2.3.4 Pencegahan Jenayah	52
2.4 Ulasan Kepustakaan	59
2.5 Jenayah di Negeri Perak	76





2.6	Faktor-Faktor Perlakuan Jenayah	81
2.7	Kesan-Kesan Perlakuan Jenayah	86
2.8	Rumusan	87

BAB 3 MEKANISME PENCEGAHAN JENAYAH DALAM KALANGAN MASYARAKAT DI NEGERI PERAK

3.1	Pengenalan	89
3.2	Analisis Mekanisme dan Program Pencegahan Jenayah yang Sedia Ada dalam Kalangan Masyarakat di Ipoh dan Taiping	90
3.3	Program Pencegahan Jenayah oleh PDRM Ipoh dan Taiping	91
	i. Program Omnipresence	94
	ii. Program “Stop and Talk” atau Henti dan Tegur	98
	iii. Program “Feet on the Street”	100
	iv. Penubuhan pondok polis	101
	v. AMANITA	104
	vi. Penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah	107
3.4	Program Pencegahan Jenayah oleh JPNIN Ipoh dan Taiping	107
	i. Rukun Tetangga (RT)	107
	ii. Skim Rondaan Sukarela	111
	iii. Program Rondaan Awam Polis dan Tentera 1 Malaysia (RAPAT1M)	122
	iv. Jom Ronda	122
	v. Ceramah Kesedaran	124





vi.	Gotong-royong Perdana dan Sokongan Majlis Perbandaran Ipoh dan Taiping	125
3.5	Program Pencegahan Jenayah oleh JKM Ipoh dan Taiping	126
i.	Program Kesedaran	126
ii.	Program Kerjasama Universiti dan NGO Lain	127
3.6	Program Pencegahan Jenayah oleh MCPF	129
i.	Cadangan Pemasangan CCTV dan <i>Panic-button</i>	129
ii.	Skim Pengawasan Jiran dan <i>Community Policing</i>	130
iii.	Pendidikan Di Bangku Sekolah dan Kelab Pencegahan Jenayah	132
3.7	Program Kemasyarakatan Badan-badan Berkuasa	135



BAB 4 PERBANDINGAN MEKANISME PENCEGAHAN JENAYAH DI UNITED KINGDOM DAN JEPUN

4.1	Pengenalan	140
4.2	Mekanisme Pencegahan Jenayah Di United Kingdom (UK)	142
4.2.1	Latar Belakang Negara United Kingdom	142
4.2.2	Mekanisme pencegahan jenayah di UK	146
4.3	Mekanisme Pencegahan Jenayah Di Jepun	152
4.3.1	Latar Belakang Negara Jepun	152
4.3.2	Mekanisme pencegahan jenayah di Jepun	157





4.4	Perbandingan Mekanisme Pencegahan Jenayah Antara Negara United Kindom, Jepun dan Malaysia	168
4.4.1	Perbandingan program pencegahan jenayah negara UK, Jepun dan Malaysia	170
4.5	Rumusan	176

BAB 5 CADANGAN DAN PENUTUP

5.1	Pengenalan	177
5.2	Dapatan Kajian	178
5.3	Cadangan Penambahbaikan dalam Mekanisme Pencegahan Jenayah	187
5.3.1	Modul pencegahan jenayah kepada badan-badan berkuasa	188
5.3.2	Pemerkasaan kajian melalui peruntukan geran atau dana kewangan	189
5.3.3	Penambahan peruntukan atau dana	190
5.3.4	Bengkel, kursus dan latihan kepakaran kepada anggota RT, SRS dan Jiran Wanita.	191
5.3.5	Pemantapan teknologi melalui penggunaan kamera litar tertutup atau CCTV dan mengambil kira aspek reka bentuk CPTED	192
5.3.6	Pemantapan ilmu pendidikan undang-undang jenayah	193
5.3.7	Mewajibkan seorang untuk setiap isi rumah bagi menyertai Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela	193
5.3.8	Penglibatan ahli-ahli sukarelawan atau peronda daripada golongan wanita dan belia	194
5.4	Cabarhan Pelaksanaan Model Mekanisme Program Pencegahan Jenayah	196
5.5	Rumusan	197
	RUJUKAN	199





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat	
1.1	Jumlah jenayah siber	6
1.2	Bilangan responden mengikut jantina	18
1.3	Kategori umur responden	19
1.4	Bangsa responden	20
1.5	Taraf pendidikan responden	21
1.6	Pekerjaan responden	22
1.7	Fokus temu bual	28
2.1	Statistik Jenayah Kekerasan bagi Bulan Januari-Jun 2016 dengan Januari-Jun 2015	76
2.2	Statistik Jenayah Harta Benda bagi Bulan Januari-Jun 2016 dengan Januari-Jun 2015	77
4.1	Perbandingan Mekanisme Program Pencegahan Jenayah negara di United Kingdom, Jepun dan Malaysia.	168





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Contoh Penekodan Data Kajian Kualitatif	30
3.1	Analisis Mekanisme Pencegahan Jenayah sedia ada dalam kalangan masyarakat di Ipoh dan Taiping oleh badan-badan berkuasa	90





SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Muka Surat
3.1 Kenderaan MPV disediakan kepada pegawai polis yang akan membuat rondaan	96
3.2 Unit Rondaan Bermotosikal PDRM	98
3.3 Pasukan RELA yang menjalankan Program “Feet on Street”	101
3.4 Penglibatan Jiran Wanita dalam Skim Ronda Sukarela	111
3.5 Penglibatan masyarakat terhadap program Skim Rondaan Sukarela	112
3.6 Anggota SRS mendapat peralatan daripada JPNIN	116
3.7 Masyarakat sedang bergotong-royong membersihkan pusat kawalan SRS	118
3.8 Masyarakat sedang bergotong-royong membina pusat kawalan SRS	119
3.9 Para peronda SRS dalam kalangan masyarakat yang telah dilantik	120
3.10 Penglibatan masyarakat dalam SRS sangat digalakkan bagi membantu pihak polis	120
3.11 Aktiviti Jom Ronda dalam kalangan masyarakat	124





SENARAI SINGKATAN

ACP	<i>Assistant Commissioner of Police</i>
AMANITA	Skuad Aman Wanita
ASEAN	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
ADMM	<i>ASEAN Defence Ministerial Meeting</i>
ARF	<i>ASEAN Regional Forum</i>
CCTV	<i>Closed-Circuit Television</i> (Penggunaan Kamera Litar Tertutup)
CPTED	<i>Crime Prevention Through Environmental Design</i>
DKN	Dasar Keselamatan Negara
FBI	<i>The Federal Bureau of Investigation</i>
FPDA	<i>Five Power Defence Arrangement</i> (Kampus Sultan Abdul Jalil Shah)
G-15	<i>Group of 15</i>
G-77	<i>Group of 77</i>
GIS	Geographic Information System (Aplikasi Sistem Maklumat Geografi)
GPI	<i>Global Peace Index</i> (Indeks Keamanan Global)
ICT	<i>Information and Communications Technology</i> (Teknologi Maklumat Dan Komunikasi)
IPD	Ibu Pejabat Polis
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KDN	Kementerian Dalam Negeri
MKN	Majlis Keselamatan Negara





MCPF	<i>Malaysia Crime Prevention Foundation</i> (Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia)
MQLI	<i>Malaysian Quality of Life Index</i>
NKRA	<i>National Key Result Areas</i> (Bidang Keberhasilan Utama Negara)
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPJKK	Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
NAM	Pergerakan Negara-Negara Berkecuali
OIC	<i>Organisation of Islamic Cooperation</i> (Pertubuhan Kerjasama Islam)
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
POCA	<i>Prevention of Crime Act 1959</i> (Akta Pencegahan Jenayah 1959)
RT	Rukun Tetangga
SRS	Skim Rondaan Sukarela
SDG	<i>Sustainable Development Goals</i>
UM	Universiti Malaya
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
URB	Unit Rondaan Bermotosikal





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Gambar Menjalankan Kajian Lapangan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

“Jenayah menjelaskan semua rakyat Malaysia, tanpa mengira bangsa, agama, jantina mahupun taraf pendapatan. Demi melindungi yang tersayang, kami telah menetapkan sasaran tinggi untuk mengurangkan paras jenayah secara ketara, yang mana, saya, selaku Menteri Peneraju yang berkenaan, bertanggungjawab bagi penyampaiannya. Pencapaian sasaran ini akan memerlukan usaha bersama oleh kesemua agensi penguat kuasa undang-undang dan juga bantuan daripada ahli-ahli masyarakat.”

Petikan daripada Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, bekas Menteri Dalam Negeri di atas menggambarkan penekanan pihak kerajaan terhadap penglibatan masyarakat dalam mencegah jenayah (Laporan Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan, 2010). Masyarakat memainkan peranan yang penting dan merupakan entiti yang paling dominan bagi membantu pihak berkuasa menangani isu jenayah. Masyarakat juga berperanan dalam mempengaruhi pencapaian setiap rancangan kerajaan sama ada Rancangan Malaysia Kesepuluh, pencapaian Indeks Keamanan Global (*Global Peace Index*), 16 Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) (SDG 16) dan pelbagai pengukuran pencapaian yang lain.





Dari perspektif pemerintah, kerajaan telah berusaha untuk mengambil pendekatan pembangunan seimbang yang memberikan penekanan pada kemajuan ekonomi dan kesejahteraan dengan mengambil kira penglibatan masyarakat. Masyarakat sering menjadi mangsa keadaan apabila situasi yang tidak diingini seperti jenayah masih banyak berlaku dalam masyarakat.

Menurut Nasrun Mohd Sheriff (2014) dan Jamaluddin Mustaffa (2007), aspek langkah keselamatan awam dan pencegahan jenayah dalam kalangan masyarakat di Alor Setar ditekankan melalui konsep Bandar Selamat. Namun, terdapat kelompongan dalam pelaksanaan konsep Bandar Selamat memandangkan masyarakat kurang faham tentang konsep Bandar Selamat dan langkah keselamatan awam yang perlu diberi perhatian. Ainur Zaireen Zainudin dan Jalaluddin Abdul Malek (2010) percaya bahawa pencegahan jenayah dapat ditangani melalui semangat kejiranan yang kuat dan pendidikan melalui penerapan nilai-nilai murni dalam sesebuah masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa pendidikan berkaitan langkah keselamatan awam dan pencegahan jenayah penting kepada masyarakat.

Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan bagi menganalisis isu-isu yang berkaitan dengan mekanisme pencegahan jenayah, konsep pencegahan jenayah yang dibahaskan oleh ahli akademik dengan merujuk pelbagai piawaian seperti Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu Mengurangkan Jenayah, Global Peace Index dan SDG16 bagi mempertimbangkan penambahbaikan program pencegahan jenayah dan undang-undang yang sedia ada di Malaysia.





1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dasar Keselamatan Negara (DKN) telah digubal dan diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Januari 2017 selaras dengan Akta Majlis Keselamatan Negara 2016. DKN merupakan dasar utama tentang keselamatan negara yang komprehensif bertujuan untuk mengekal, melindungi dan mempertahankan sembilan nilai teras negara melalui 20 strategi yang dikenal pasti untuk memastikan kelangsungan Malaysia sebagai negara yang merdeka, aman, selamat dan berdaulat (Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara, 2018).

Berdasarkan Dasar Keselamatan Negara (2017), sembilan (9) nilai yang dititikberatkan oleh Majlis Keselamatan Negara ialah:

Nilai Teras 1: Kedaulatan dan Keutuhan Wilayah



Nilai Teras 2: Kestabilan Sosiopolitik

Nilai Teras 3: Kesepaduan Nasional

Nilai Teras 4: Tadbir Urus yang Baik

Nilai Teras 5: Keutuhan Ekonomi

Nilai Teras 6: Keadilan Sosial

Nilai Teras 7: Pembangunan Mampan

Nilai Teras 8: Keselamatan Rakyat

Nilai Teras 9: Pengiktirafan Antarabangsa

Nilai-nilai Teras (Core Values) Malaysia ini merupakan nilai yang sangat penting untuk dilaksanakan dan diperkuuh bagi menjamin keamanan negara Malaysia. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada Nilai Teras yang ke-8, iaitu Keselamatan Rakyat





dengan menilai program pencegahan jenayah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi menjayakan nilai teras tersebut.

Selain itu, penggubalan DKN adalah selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dalam mengukuhkan mekanisme pengurusan keselamatan negara untuk menghadapi ancaman keselamatan yang semakin kompleks dan dinamik. Hal ini kerana ancaman keselamatan negara pada masa ini lebih menumpukan pada pelaku bukan negara (*non-state actor*) yang melibatkan jenayah rentas sempadan. Oleh itu, DKN boleh dijadikan panduan dan rujukan utama kementerian-kementerian dan agensi di peringkat Persekutuan serta negeri (Dasar Keselamatan Negara, 2019).

Namun begitu, peranan memastikan keselamatan negara bukanlah tanggungjawab kementerian/agensi berkaitan dan pasukan keselamatan sahaja sebaliknya turut menjadi tanggungjawab semua rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Masyarakat tanpa mengira kaum, agama, budaya dan fahaman politik perlu bersama-sama memelihara dan mempertahankan negara daripada pelbagai ancaman yang mampu menggugat keselamatan negara.

Dalam laman web rasmi Majlis Keselamatan Negara (2018), DKN menggariskan hala tuju keselamatan negara berpaksikan persekitaran di dalam dan luar negara. Bagi mencapai maksud tersebut, asas negara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan perlu dipertahankan, lantaran menyesuaikan negara dengan nilai-nilai sejagat (hak asasi manusia). Hal ini kerana nilai-nilai teras Kementerian Dalam Negeri (KDN) digubal secara holistik dengan mengambil kira komponen-komponen negara iaitu wilayah, kerajaan, rakyat, kedaulatan dan pengiktirafan antarabangsa.





Di samping itu, KDN memainkan peranan utama dalam menjamin, melindungi dan memelihara kestabilan negara (Pelan Strategik Kementerian Dalam Negeri 2015-2020). Tanggungjawab KDN memfokuskan kepada lima matlamat iaitu:

- i. keselamatan dan kesejahteraan awam;
- ii. rawatan, pemulihan dan tindakan hukuman yang berkesan;
- iii. ruang siber yang selamat;
- iv. pencegahan jenayah, ke ganasan dan pembasmian fahaman melampau; dan
- v. menjana gelombang kesukarelawan.

Oleh hal yang demikian, persekitaran keselamatan dunia menunjukkan perubahan daripada pendekatan keselamatan berpaksikan negara (*state centric security*) kepada pendekatan berpaksikan insan (*people centric security*) iaitu melalui kesejahteraan, kebijakan dan hak-hak rakyat Malaysia dilindungi dan dijamin oleh pihak kerajaan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sungguhpun begitu, masalah jenayah yang berlaku dalam masyarakat di negara ini masih membimbangkan. Dengan merujuk Pencapaian Bidang Keberhasilan Utama Negara atau National Key Result Areas (NKRA) iaitu Mengurangkan Jenayah (2017), dalam tempoh enam tahun iaitu dari 2010 hingga 2016, indeks jenayah keseluruhan menurun sebanyak 47 peratus. Kes jenayah telah menurun daripada 209,817 kes pada 2009 kepada 112,354 kes pada tahun 2016. Namun, jika dibandingkan laporan daripada Jabatan Statistik Malaysia (2016), kes jenayah yang melibatkan harta benda dari tahun 2011 hingga tahun 2014 adalah sebanyak 473,332, manakala, sebanyak 114, 327 kes melibatkan kes jenayah kekerasan dari tahun 2011 hingga tahun 2014. Selain itu, pelbagai kes jenayah seperti vandalisme, bunuh, gengsterisme, rogol, ragut, rasuah,





pelacuran, pengedaran dadah, dan sebagainya kerap didedahkan dalam akhbar, majalah dan laman-laman sosial. Oleh itu, kes-kes jenayah yang membimbangkan dalam kalangan masyarakat merupakan cabaran kepada pihak kerajaan dalam melaksanakan usaha mencegah jenayah. Sekiranya kes-kes jenayah ini tidak ditangani dengan baik, maka jenayah boleh menggugat kesejahteraan hidup masyarakat.

Selain itu, jenis jenayah yang berlaku dari hari ke hari lebih sulit kerana melibatkan jenayah alam maya atau dikenali sebagai jenayah siber. Perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi telah meningkatkan kebergantungan pada teknologi ini yang turut membuka ruang kepada risiko ancaman keselamatan siber. Sifat dimensi ruang siber yang luas tanpa sempadan membolehkan aktiviti keganasan siber di dalam dan luar negara yang boleh menimbulkan kekacauan dan menggugat keamanan negara. Jumlah jenayah siber yang dilaporkan adalah seperti dalam Jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1

Jumlah jenayah siber

Tahun	Jumlah Kes
2015	9915
2016	8364
2017	7962
Jan-Mac 2018	1453

(Sumber: Laman Portal CyberSecurity, 2018)



Walaupun, statistik jenayah dalam Jadual 1.1 ini menurun, Muhammad Adnan Pitchan, Siti Zobidah Omar, Jusang Bolong dan Akmar Hayati Ahmad Ghazali (2017) serta Dr. Amirudin Abdul Wahab (2016) selaku Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia berpandangan bahawa isu jenayah siber ini perlu diberikan perhatian yang serius kerana boleh mengakibatkan kesan buruk terhadap ekonomi negara. Keadaan ini menyebabkan pelabur asing bimbang untuk melabur di Malaysia (Utusan Online, 2016). Oleh hal yang demikian, sewajarnya kajian untuk mencegah jenayah perlu dijalankan bagi menangani isu kadar jenayah semasa dan mengekalkan kestabilan negara.

Selain jenayah siber, jenayah penyalahgunaan dadah merupakan antara jenayah yang sangat membimbangkan kerana hampir 50% daripada individu yang ditahan oleh pihak polis merupakan penagih dadah tegar. Malahan, 83% daripada kes curi dan ragut yang dilakukan oleh penunggang motosikal melibatkan kes bawah pengaruh dadah (Laman Web Rasmi Agensi Antidadah Kebangsaan: Kementerian Dalam Negeri, 2018).

Statistik jumlah penagih yang dikesan mengikut status kes baharu pada tahun 2018 ialah sebanyak 17 474 kes manakala kes berulang 7 793 kes (Laman Web Rasmi Agensi Anti Dadah Kebangsaan: Kementerian Dalam Negeri, 2018). Status kes baharu bermaksud penagih yang dikesan kali pertama menjalani rawatan/pemulihan/pengawasan di Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Status kes berulang ialah penagih yang pernah dikesan menjalani rawatan/pemulihan/pengawasan di AADK sebelum ini. Jumlah penagih dadah pada tahun 2016 adalah sebanyak 30 844 kes, iaitu meningkat berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak 26 668 kes, dan pada tahun 2014 adalah sebanyak 21 777 kes (Laporan



Agensi Anti Dadah Kebangsaan: Kementerian Dalam Negeri, 2017). Peningkatan jumlah penagih dadah pada setiap tahun sangat membimbangkan kerana menjadi faktor berlakunya jenayah dalam kalangan masyarakat bawah pengaruh dadah.

Di samping itu, jumlah penagih dadah di negeri Perak mencatatkan negeri keenam paling tinggi berbanding 13 buah negeri, termasuk tiga Wilayah Persekutuan yang lain, iaitu sebanyak 2 639 kes pada tahun 2016 dan 3 106 kes pada tahun 2017. Jumlah penagih dadah paling tinggi adalah negeri Pulau Pinang diikuti negeri Selangor, Kedah, Terengganu dan, Kelantan (Laporan Agensi Anti Dadah Kebangsaan: Kementerian Dalam Negeri, 2017). Jumlah ini berkait rapat dengan jenayah-jenayah yang lain kerana faktor kebanyakan kes jenayah yang berlaku dalam kalangan masyarakat sama ada kes jenayah harta benda atau jenayah kekerasan disebabkan oleh pengaruh dadah.



Sehubungan dengan itu, tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis mekanisme pencegahan jenayah dalam kalangan masyarakat. Pelbagai faktor perlakuan jenayah seperti faktor ekonomi, keluarga, kekurangan pendidikan, kepekaan masyarakat terhadap pendidikan undang-undang jenayah dan lain-lain diambil kira bagi menganalisis mekanisme pencegahan jenayah yang sedia ada.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, terdapat sembilan (9) nilai teras yang dijamin oleh pihak kerajaan dalam menjaga keselamatan awam rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia berhak untuk mendapatkan hak terhadap keselamatan dan keharmonian negara. Di





peringkat antarabangsa, Malaysia merupakan negara yang menyokong usaha tersebut dan hal ini terbukti melalui penglibatannya yang aktif dalam organisasi keselamatan dan pertahanan serantau seperti ASEAN Regional Forum (ARF), ASEAN Defence Ministerial Meeting (ADMM), Five Power Defence Arrangement (FPDA) dan sebagainya bagi melindungi kepentingan negara. Selain itu, komitmen negara dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam atau *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Group of 15 (G-15), Group of 77 (G-77) serta pertubuhan lain-lain.

Walaupun penglibatan Malaysia dalam pertubuhan tersebut lebih sedekad, namun masyarakat di dalam negara masih belum peka terhadap usaha pencegahan jenayah yang telah dilaksanakan oleh badan-badan berkuasa. Kemelut masyarakat di luar bandar untuk mendapatkan maklumat tentang langkah keselamatan masih terpinggir berbanding masyarakat di bandar. Kelemahan mendapatkan maklumat dan pelaksanaan program pencegahan jenayah di kawasan perkampungan menyebabkan hak untuk mendapatkan keselamatan awam tidak berkesan. Kedua-dua faktor ini menyebabkan hak masyarakat untuk mendapatkan perlindungan menjadi terbatas.

Menerusi Laporan Indeks Kualiti Hidup Rakyat Malaysia (Malaysian Quality of Life Index) (MQLI) (2016), indeks keselamatan awam pada tahun 2014 adalah sebanyak 130.5%, iaitu lebih baik berbanding 123.5% pada tahun 2013. Hal ini menunjukkan indeks keselamatan awam mengalami peningkatan sebanyak 7%. Walau bagaimanapun, kadar indeks keselamatan awam, 130.5% ini merupakan indeks ke-6 paling rendah berbanding 17 indeks yang lain seperti indeks komposit, ekonomi, dan pengangkutan. Walaupun indeks keselamatan awam meningkat sebanyak 7%, namun rasa takut akan jenayah masih wujud dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana





statistik jenayah contohnya, jenayah penyalahgunaan dadah yang dikeluarkan oleh AADK pada 2018 masih membimbangkan. Tambahan pula, jenayah pecah rumah dan curi yang dilaporkan kepada polis di Malaysia pada tahun 2014 adalah sebanyak 20 679 kes bagi seluruh negeri di Malaysia berbanding pada tahun 2013 adalah sebanyak 23 317 kes (Sumber Statistik Polis Diraja Malaysia, 2015). Kadar jenayah seumpama ini memerlukan usaha pencegahan yang lebih besar dan segera (Zainudin dan Malek, 2010 dan Mustaffa, 2007).

Terdapat pelbagai undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia yang berkait dengan undang-undang jenayah seperti Kanun Keseksaan dan Akta Dadah Berbahaya 1952. Undang-undang ini diwujudkan bagi menangani pelbagai jenayah, termasuklah memperuntukkan hukuman bagi kesalahan jenayah yang dilakukan. Antara lain, Akta Pencegahan Jenayah 1959 atau *Prevention of Crime Act* (POCA) juga telah ditambah baik melalui beberapa pindaan supaya lebih efektif dalam membanteras jenayah, terutamanya jenayah terancang dan jenayah sindiket yang menggunakan kekerasan dan keganasan serta bersesuaian dengan perkembangan semasa (The Malaysian Times, 2017). Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Menteri Dalam Negeri ketika itu menyatakan bahawa Akta Pencegahan Jenayah dikuatkuaskan sejak tahun 1959 di Semenanjung Malaysia bertujuan untuk mengawal penjenayah, anggota kongsi gelap dan individu yang mengancam keselamatan negara. Lantaran itu, Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasaan) 2014 adalah lebih berkesan dari segi keberkesanan dalam mencegah jenayah kekerasan dan dapat mengimbangi hak asasi manusia seiring dengan keselamatan dan keamanan negara (The Malaysian Times, 2017). Sekalipun kadar jenayah dilaporkan menurun sebanyak 47 peratus dari tahun 2014 hingga tahun 2017 menunjukkan Malaysia mencapai tahap keselamatan yang terkawal sejak penguatkuasaan Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan



dan Pemerluasaan) dilaksanakan, namun rasa takut akan jenayah dalam kalangan masyarakat masih belum terhapus secara keseluruhan.

Walaupun statistik jenayah menunjukkan penurunan pada setiap tahun, namun jumlah jenayah yang berlaku masih ketara dan menyebabkan rasa takut kepada jenayah dalam kalangan masyarakat masih menebal terutamanya mereka yang pernah menjadi mangsa jenayah seperti yang didedahkan oleh seorang responden melalui temu bual dalam kajian lapangan. Oleh itu, responden daripada PDRM berpandangan bahawa langkah penyelesaian untuk mendapatkan keyakinan masyarakat adalah dengan sentiasa melakukan aktiviti pencegahan jenayah bersama masyarakat itu sendiri. Oleh itu, rasa takut akan jenayah dalam diri masyarakat dapat dikurangkan melalui penglibatan sosial masyarakat dengan badan-badan berkuasa (Abidin dan Novel Lyndon, 2016).

Pihak kerajaan telah berusaha untuk mencegah jenayah melalui pelbagai inisiatif, namun kes-kes jenayah masih tetap berlaku dalam kalangan masyarakat sehingga mengancam aspek politik, ekonomi dan sosial. Jika dibandingkan dengan negara maju seperti Jepun, United Kingdom dan beberapa negara lain, terdapat mekanisme khusus yang digunakan dalam masyarakat yang dilaksanakan secara menyeluruh. Sebaliknya di Malaysia, mekanisme pencegahan jenayah perlu ditambah baik secara menyeluruh di semua kawasan dan semua peringkat. Kelompongan ini disebabkan oleh pelbagai faktor. Memang tidak dinafikan bahawa pelbagai usaha sedang dan telah giat dilaksanakan oleh agensi kerajaan seperti PDRM, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan sebagainya bagi membendung kejadian jenayah. Namun begitu, aspek pencegahan jenayah dalam masyarakat masih



perlu diperkasakan. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompongan mekanisme pencegahan jenayah yang sedia ada.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menetapkan empat objektif untuk dicapai iaitu

- 1.4.1 Mengenal pasti jenis jenayah paling tinggi yang berlaku dalam kalangan masyarakat di negeri Perak.
- 1.4.2 Menganalisis mekanisme pencegahan jenayah yang sedia ada dalam kalangan masyarakat di negeri Perak.
- 1.4.3 Menilai mekanisme pencegahan jenayah dalam masyarakat di negara United Kingdom dan Jepun.
- 1.4.4 Mencadangkan model pencegahan jenayah yang sesuai dalam usaha penambahbaikan pencegahan jenayah di Malaysia.





1.5 PERSOALAN KAJIAN

- 1.5.1 Apakah jenis jenayah yang paling tinggi dalam kalangan masyarakat di negeri Perak?
- 1.5.2 Apakah mekanisme dan program pencegahan jenayah yang dilaksanakan dalam kalangan masyarakat di Perak?
- 1.5.3 Bagaimanakah program pencegahan jenayah di negara United Kingdom dan Jepun dapat membantu masyarakat di Malaysia dalam usaha penambahbaikan mencegah jenayah?
- 1.5.4 Bagaimanakah cadangan isi kandungan model pencegahan jenayah yang sesuai diamalkan di Malaysia?



Kajian ini merupakan kajian rentas disiplin yang merangkumi ilmu kriminologi dan sains sosial. Kajian ini merupakan sebuah kajian kes dan menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu kajian mendalam bagi menangani isu jenayah melalui program pencegahan jenayah dalam kalangan masyarakat secara spesifik. Hal ini kerana kajian kes ini merupakan penyiasatan yang terperinci dan mendalam terhadap sesuatu *setting*, atau seseorang peserta, atau sesuatu dokumen, atau suatu peristiwa tertentu (Meriam, 1988; Yin, 1989; Stake, 1994). Oleh itu, reka bentuk kajian ini bersesuaian dengan menggunakan pendekatan kualitatif bagi menganalisis penyertaan masyarakat di Perak dalam mencegah jenayah dan menilai mekanisme pencegahan jenayah dalam kalangan masyarakat.





Bagi mencadangkan pembentukan program pencegahan jenayah yang sesuai dalam kalangan masyarakat, kaedah kualitatif ini lebih sesuai dilaksanakan dalam mereka bentuk kajian, mengumpul data dan menganalisis data yang dapat menghasilkan corak kajian dan fakta yang boleh membantu penganalisisan kajian ini (Wagenen, 1991). Hal ini kerana banyak kajian terdahulu tentang usaha pencegahan jenayah lebih tertumpu kepada kajian kuantitatif tanpa mengambil kira pendekatan kajian kualitatif yang juga penting dalam kajian. Oleh itu, untuk menangani isu jenayah yang membimbangkan, kajian ini meneliti dan menganalisis mekanisme pencegahan jenayah yang sedia ada oleh badan-badan berkuasa kerajaan dalam mencegah jenayah di kawasan kajian, iaitu negeri Perak. Reka bentuk kajian kes ini lebih sesuai untuk mencapai objektif.

Selain itu, melalui kaedah pengumpulan data seperti meneliti dokumen-dokumen rasmi kerajaan, laporan-laporan kerajaan, dasar-dasar awam kerajaan, laporan minit mesyuarat kerajaan negeri sidang parliment dan peruntukan yang diberikan oleh kerajaan akan digunakan untuk mengenal pasti langkah yang diambil oleh pihak berkuasa bagi menangani isu jenayah.

Malahan, pengumpulan data ini lebih bersifat terkini dan tidak mengambil masa yang terlalu panjang untuk melihat kesan pemboleh ubah kajian yang terlibat. Satu kaedah pengumpulan data bagi kajian ini ialah kajian lapangan. Melalui kajian lapangan, kajian ini melibatkan persekitaran semula jadi terkini dan situasi yang lebih realistik diberikan penekanan untuk melihat kesan pembolehubah-pembolehubah kajian.

Dengan kata lain, kajian ini menggunakan teknik triangulasi seperti melakukan pemerhatian berstruktur, membuat nota lapangan (*field notes*), temu bual bersama



responden, visual dan audio yang berkaitan bagi menjawab semua objektif dan persoalan kajian yang ditetapkan dalam kajian ini. Menurut Jasmi, K. A. (2012), triangulasi ialah kombinasi beragam sumber data, tenaga pengkaji, teori dan teknik metodologi dalam sesuatu pengkajian atas gejala sosial. Selain itu, triangulasi diperlukan kerana setiap teknik memiliki keunggulan dan kelemahannya yang tersendiri. Oleh hal yang demikian, triangulasi memungkinkan tangkapan realiti secara lebih tepat dan sah. Terdapat empat bentuk triangulasi (Denzis, 1978):

1. Triangulasi data, iaitu penggunaan beragam sumber data dalam suatu pengkajian.
2. Triangulasi pengkaji, iaitu penggunaan beberapa pengkaji yang berbeza disiplin ilmunya dalam suatu pengkajian.
3. Triangulasi teori, iaitu penggunaan sejumlah perspektif dalam mentafsir satu set data.
4. Triangulasi teknik metodologi, iaitu penggunaan sejumlah teknik dalam suatu pengkajian.

Dalam sesebuah kajian kualitatif, lagi banyak data ditriangulasikan maka lagi tinggi ketepatan fakta dan lagi kuat keesahannya. Justeru, triangulasi data amat diberi perhatian dalam meningkatkan mutu data. Oleh itu, melalui kajian ini triangulasi data telah diguna pakai untuk memastikan data kajian lebih sahih dan tepat dengan kepelbagaiannya sumber data yang diperolehi.

1.6.1 Populasi dan Persampelan Kajian

i Populasi Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas masyarakat bandar di daerah Kinta dan masyarakat luar bandar di daerah di Larut, Matang dan Selama. Kajian ini juga memfokuskan masyarakat di bandar Ipoh dan Taiping. Hal ini bertujuan untuk menganalisis perbezaan amalan penyertaan masyarakat dalam mencegah jenayah seterusnya menunjukkan perbezaan tahap pengetahuan tentang undang-undang jenayah dalam kalangan masyarakat setempat. Di samping itu, penyelidik ingin mengenal pasti program pencegahan jenayah yang dilaksanakan di kawasan yang kurang statistik jenayah seperti daerah Kinta dan kawasan yang tinggi statistik jenayah, misalnya di Ipoh (Sinar Harian Online, 2015).

Populasi penduduk di Taiping pada tahun 2019 adalah sebanyak 326 476 orang (Portal Rasmi Pejabat Daerah Larut, Matang dan Selama, 2019) manakala populasi penduduk di Ipoh adalah sebanyak 720 000 orang termasuk bumiputera, Cina, India dan lain-lain (Portal Rasmi Majis Bandaraya Ipoh, 2019). Jumlah populasi ini juga adalah termasuk jumlah penduduk yang tinggal di bandar dan luar bandar. Sebanyak tiga buah kampung yang tinggal di luar bandar dipilih secara rawak di Taiping dan tiga buah kawasan perumahan di sekitar kawasan Ipoh dipilih untuk tujuan kajian ini. Selain itu, responden kajian ini juga melibatkan beberapa orang pegawai polis PDRM yang terlibat dalam bahagian pencegahan jenayah di kawasan tugas mereka. Selain itu, beberapa orang pegawai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia atau *Malaysia Crime Prevention Foundation* (MCPF) juga terlibat dalam kajian ini. Hal ini kerana menurut Fraenkel dan Wallen (1993), majoriti populasi ini merupakan populasi

sasaran kerana populasi ini mempunyai ciri-ciri responden yang diinginkan dalam kajian dan memberi data penting untuk kajian.

ii. Persampelan Kajian

Menurut Fraenkel dan Wallen (2007), pemilihan sampel secara *purposive sampling* atau pensampelan bertujuan adalah sesuai dengan kajian kualitatif. Menurut Creswell (2005), pemilihan pensampelan dari pelbagai latar belakang dikenali sebagai *maximal variation sampling* bagi membolehkan data yang diperoleh lebih banyak dan tepat. Selain itu, kriteria lain pemilihan sampel ialah sampel ini dapat meminimumkan kos, meningkatkan kebolehpercayaan dapatan serta mencakupi elemen-elemen dalam populasi yang diwakili oleh sampel (Mohd. Nasaruddin, 2006). Menurut Fraenkel dan Wallen (1993), pemilihan keseluruhan sampel populasi seharusnya bilangannya boleh diuruskan, dapat diperoleh atau *accessible population* dan mampu digeneralisasikan, malah tidak terbatas kepada sampel sahaja.

Bagi tujuan kajian ini, bilangan sampel yang dipilih adalah sebanyak 13 orang yang terdiri daripada masyarakat awam, manakala lima orang pula terdiri daripada wakil anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia atau *Malaysia Crime Prevention Foundation* (MCPF).

Walau bagaimanapun, Gredler (1996) berpendapat bilangan subjek yang ditemubual mencukupi antara tujuh hingga 12 orang. Namun begitu, Creswell (2005) pula menyatakan pandangannya bahawa bilangan subjek ditemubual antara empat hingga 10 subjek adalah relevan untuk dijadikan sampel kajian kualitatif. Oleh itu, pemilihan 10 subjek daripada pelbagai latar belakang untuk ditemubual adalah bertepatan setelah



mengambil kira pandangan Creswell (2005), Fraenkel dan Wallen (2007), Gredler (1996) dan Mohd. Nasaruddin, (2006).

1.6.2 Analisis Maklumat Responden

Reka bentuk kajian merupakan kaedah atau teknik yang digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Dalam bahagian ini, demografi dan maklumat responden dianalisis. Maklumat responden ini terdiri daripada maklumat peribadi responden itu sendiri.

i. Jantina

Dengan merujuk Jadual 1.2, sebanyak 18 orang responden telah ditemui bual oleh penyelidik. Sebanyak 10 orang responden terdiri daripada lelaki yang bersamaan 55.56%. Manakala sebanyak 8 orang responden pula adalah terdiri daripada wanita iaitu sebanyak 44.44%.

Jadual 1.2

Bilangan responden mengikut jantina

Jantina	Bilangan (orang)	Peratusan (%)
Lelaki	10	55.56
Perempuan	8	44.44

(Sumber: Kajian lapangan Julai, 2017)



ii. Umur

Berdasarkan Jadual 1.3, bilangan responden yang paling ramai ialah responden yang berusia lingkungan usia 41 hingga 50 tahun, iaitu 38.89% yang bersamaan tujuh orang. Responden kedua paling ramai ialah responden dalam lingkungan umur 31 hingga 40 tahun, iaitu sebanyak enam orang yang bersamaan 33.33%. Kemudian diikuti dengan responden berumur 51 hingga 60 tahun, iaitu sebanyak empat orang bersamaan 22.22%, manakala bilangan responden yang paling sedikit ialah responden yang berusia dalam lingkungan umur 21 hingga 30 tahun, iaitu seorang (5.56%).

Jadual 1.3

Kategori umur responden

Umur	Bilangan (orang)	Peratusan (%)
21- 30	1	5.56
31- 40	6	33.33
41- 50	7	38.89
51- 60	4	22.22

(Sumber: Kajian lapangan Julai, 2017)

iii. Bangsa

Bangsa ini dikategorikan kepada kepada empat, iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Namun, jadual di bawah hanya melibatkan dua sahaja, iaitu Melayu dan Cina. Hal ini kerana data responden yang ditemui bual melibatkan dua kaum ini sahaja. Mengikut Jadual 1.4, responden berbangsa Melayu yang ditemui bual adalah sebanyak 17 orang (94.44%). Oleh itu, kaum kedua, iaitu kaum Cina hanya melibatkan seorang responden



yang bersamaan 5.56% sahaja. Bagi bangsa India dan lain-lain, tiada data yang dikumpulkan.

Jadual 1.4

Bangsa responden

Bangsa	Bilangan (orang)	Peratusan (%)
Melayu	17	94.44
Cina	1	8
India	0	0
Lain-lain	0	0

(Sumber: Kajian lapangan Julai, 2017)



Berdasarkan Jadual 1.5, golongan yang berpendidikan diploma adalah yang teramai iaitu sebanyak enam orang (33.33%) dan diikuti oleh taraf pendidikan sijil sebanyak lima orang (27.78%). Jumlah responden sekolah menengah dan ijazah adalah sama, iaitu tiga orang (16.67%) masing-masing. Taraf pendidikan PhD adalah yang paling rendah, iaitu hanya seorang yang bersamaan 5.56%. Selain itu, bagi responden yang memiliki taraf pendidikan sarjana tiada data yang direkodkan.



Jadual 1.5

Taraf pendidikan responden

Taraf pendidikan	Bilangan (orang)	Peratusan (%)
Sekolah Menengah	3	16.67
Sijil	5	27.78
Diploma	6	33.33
Ijazah	3	16.67
Sarjana	0	0
PhD	1	5.56

(Sumber: Kajian lapangan Julai, 2017)

Menurut Jadual 1.6, jenis pekerjaan tertinggi responden merupakan pekerja kerajaan, iaitu sebanyak sembilan orang (50%), diikuti bekerja sendiri, iaitu seramai empat orang (22.22%). Selain itu, responden yang merupakan pencen kerajaan ialah seramai dua orang (11.11%), manakala responden yang paling rendah mempunyai data yang sama, iaitu seorang (5.56%) ialah responden yang tiada pendidikan, pelajar dan pekerja swasta.

Jadual 1.6

Pekerjaan responden

Taraf pendidikan	Bilangan (orang)	Peratusan (%)
Tiada	1	5.56
Pelajar	1	5.56
Pekerja Kerajaan	9	50.00
Pekerja Swasta	1	5.56
Bekerja Sendiri	4	22.22
Pencen Kerajaan	2	11.11

(Sumber: Kajian lapangan Julai, 2017).



Kajian ini merupakan kajian tinjauan tentang mekanisme pencegahan jenayah dalam kalangan masyarakat. Sampel kajian ini terdiri daripada golongan masyarakat, badan-badan berkuasa seperti PDRM, JKM, JPNIN dan MCPF. Set soalan temu bual disediakan untuk mendapatkan data kajian dengan lebih tepat dan terperinci. Satu set soalan disediakan untuk menemu bual pegawai polis seperti PDRM, JKM, JPNIN dan MCPF adalah seperti dalam Lampiran A dan set soalan temu bual untuk masyarakat tempatan adalah seperti dalam Lampiran B.

Dalam sesebuah kajian, instrumen atau alat kajian mempunyai kesahan yang tinggi jika instrumen tersebut dapat mengukur perkara yang sepatutnya diukur (Creswell, 2002; Pallant, 2007). Tambahan pula, pandangan ini disokong oleh Mohd. Majid (1998) yang turut menyatakan bahawa sesuatu instrumen itu mempunyai kesahan



yang tinggi jika darjah kebolehan mengukur perkara yang sepatutnya diukur adalah tinggi.

1.6.4 Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk mendapatkan pengesahan tentang tahap kebolehpercayaan set soalan temu bual kajian yang dijalankan supaya hasil dapatan kajian adalah sah dan boleh dipercayai (Merriam, 2001). Namun begitu, tujuan kajian rintis dalam kajian kualitatif berbeza daripada kajian kuantitatif. Tujuan kajian rintis dalam kuantitatif adalah untuk mengesahkan dapatan kajian melalui instrumen yang telah disahkan tahap kebolehpercayaannya. Namun, hal ini berbeza dalam kajian kualitatif, penyelidik hanya boleh mendapat pengalaman dan bersedia dengan apa-apa kemungkinan yang bakal berlaku seperti muncul soalan-soalan yang baharu dalam sesi temu bual apabila menjalankan kajian sebenar bersama responden kajian.

Melalui kajian rintis ini, penyelidik menjalankan temu bual terhadap lima orang responden antaranya pegawai PDRM, JKM, JPNIN, MCPF dan masyarakat tempatan. Oleh itu, set soalan temu bual ini dibuat oleh penyelidik dan diuji kesahan kandungannya. Dalam kajian ini, bagi mendapatkan kesahan set soalan temu bual yang dibuat, empat orang pakar dalam bidang undang-undang dan kajian telah dirujuk. Empat orang pakar yang terlibat ialah pensyarah-pensyarah universiti jurusan undang-undang dan pengamal undang-undang yang terdiri daripada pihak polis.





1.6.5 Tatacara Pengumpulan Data

Pengumpulan data kajian ini melibatkan beberapa tatacara rasmi yang melibatkan masyarakat awam terutamanya penghulu-penghulu kampung, ahli Rukun Tetangga, pegawai PDRM, JKM, JPNIN dan MCPF. Oleh itu, sebelum menjalankan kajian, surat kebenaran untuk melakukan kajian daripada Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris telah diberikan kelulusan oleh pihak fakulti. Kemudian, permohonan untuk mengadakan temu bual dilanjutkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah dan Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh untuk menjalankan kajian ke atas masyarakat setempat di kawasan terpilih. Setelah itu surat kebenaran itu dipanjangkan kepada Ibu Pejabat Balai Polis Ipoh, JKM, JPNIN dan MCPF cawangan negeri Perak. Proses mengumpul data dilakukan sendiri oleh penyelidik untuk memastikan semua soalan temu bual dapat dijawab oleh responden dengan baik.



1.6.6 Kaedah Pengumpulan Data

i. Kaedah Data Primer

Pengumpulan data primer digunakan oleh penyelidik bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan telus. Dalam kajian ini, penyelidik mendapatkan maklumat melalui temu bual yang dijalankan, laporan kerajaan, laporan persidangan, akta-akta dan dokumen rasmi kerajaan dan laporan persatuan tentang pencegahan jenayah. Hal ini kerana data primer adalah lebih dipercayai jika dibandingkan dengan data-data yang lain. Melalui temu bual yang diadakan juga, data yang diperoleh dianalisis dan digunakan untuk dapatan kajian yang lebih baik dan berstruktur. Dapatan kajian melalui



data primer ini lebih mudah untuk mendapatkan kesahan *validity* dan kebolehpercayaan *reability* dalam kajian.

ii. Pengumpulan Data Sekunder

Pengumpulan data melalui data sekunder digunakan untuk mendapatkan maklumat awal tentang bahan kajian. Penyelidik merujuk bahan kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu mekanisme pencegahan jenayah yang dilaksanakan di Malaysia dan luar negara. Penyelidik juga mendapatkan bahan kajian terdahulu melalui jurnal yang diambil daripada Internet. Pengumpulan data sekunder ini dilakukan untuk menganalisis dokumen-dokumen seperti jurnal, buku, artikel yang berkaitan dengan kajian yang membincangkan kajian terdahulu boleh dijadikan rujukan dalam pengumpulan data (Maunch & Birch, 1993).

Kaedah pemerhatian terbahagi kepada dua iaitu pemerhatian secara terus (direct observation) dan pemerhatian melalui penglibatan (participant-observation). Menurut Jasmi, K. A. (2012), kaedah pemerhatian secara terus biasanya tidak melibatkan komunikasi secara manusia. Manakala kaedah pemerhatian melalui penglibatan pula berasal dari bidang antropologi (kajian tentang kehidupan manusia). Penyelidik biasanya melibatkan diri dengan masyarakat yang hendak dikajinya untuk memahami dengan jelas sesuatu isu yang berkaitan dengan masyarakat tersebut.

Kaedah pemerhatian digunakan untuk melihat program pencegahan jenayah yang dilaksanakan oleh badan berkuasa seperti PDRM, JKM, JPNIN, MCPF dan masyarakat tempatan di Perak. Pemerhatian merujuk kepada proses kajian yang mempersyaratkan interaksi sosial antara pengkaji dan subjek pengkajiannya dalam

lingkungan subjek pengkajiannya itu sendiri. Interaksi ini bertujuan untuk memperoleh data melalui teknik yang sistematik. Menurut Moleong (1989), alasan metodologis penggunaan teknik ini ialah:

1. Pemerhatian memungkinkan pengkaji untuk melihat, merasakan dan memaknai dunia beserta ragam peristiwa dan gejala sosial dalamnya, sebagaimana subjek pengkajiannya melihat, merasakan dan memaknainya.
2. Pemerhatian memungkinkan pembentukan pengetahuan secara bersama-sama antara pengkaji dan subjek pengkajiannya (intersubjektiviti).

Walaupun, masalah validiti boleh diselesaikan apabila pengkaji membuat triangulasi datanya dengan pelbagai sumber yang lain. Hal ini kerana menurut Bachtiar (1985) ketika mengumpulkan data kajian melalui kaedah pemerhatian pembatasan tegas diperlukan agar pemerhatian lebih terarah dan terfokus. Selain itu, pemerhatian didasarkan pada suatu kerangka pemikiran walaupun bersifat longgar. Kerangka pemikiran ini bukanlah diuji secara empiris, melainkan sebagai panduan pengumpulan data. Oleh itu, ia menjadi peristiwa jelas atau gejala yang perlu diperhatikan.

iv. Kaedah Temu bual

Kaedah temu bual merupakan kaedah paling berkesan dan banyak menyumbangkan maklumat dalam kajian ini. Penyelidik menggunakan kaedah secara formal (berstruktur) dan secara separa formal (separa berstruktur) bagi mendapatkan maklumat kajian.



1. Temu bual Berstruktur

Kaedah secara formal atau temu bual berstruktur digunakan terhadap informan utama dari agensi-agensi penguatkuasaan yang dikendalikan oleh pihak kerajaan dan swasta iaitu pertubuhan bukan kerajaan. Dengan kata lain, penyelidik menemu bual pakar-pakar dalam bidang-bidang tertentu, iaitu pegawai PDRM, JKM, JPNIN dan ahli Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti MCPF. Temu bual bersemuka bersama informan dan pakar-pakar yang terlibat dalam bidang masing-masing dapat membantu kajian bagi pengumpulan data yang lebih jelas dan boleh dipercayai. Oleh itu, penyelidik menyediakan set soalan temu bual yang bakal ditanya kepada responden bagi mendapatkan maklumat yang jelas dan berstruktur untuk kajian ini.

Selain itu, penyelidik mendapatkan kesahan pakar dalam bidang berlainan

seperti undang-undang serta psikologi dan kaunseling untuk set soalan temu bual yang digunakan ini secara tepat sama ada soalan yang dikemukakan sesuai untuk disoal atau tidak melalui pandangan dan ulasan pakar yang terlibat. Kesahan pakar ini membuktikan kebolehpercayaan data yang bakal diperolehi melalui temu bual adalah tepat dan sesuai dengan skop atau bidang yang dikaji.

2. Temu bual Separa Struktur

Kaedah temu bual tidak formal atau temu bual separa struktur digunakan terhadap orang awam seperti masyarakat bandar dan masyarakat luar bandar yang hanya melibatkan negeri Perak. Teknik temu bual separa struktur bermaksud penyelidik menyediakan soalan sebelum temu bual dijalankan, namun temu bual ini lebih terbuka dan spontan bagi tujuan meneroka idea atau perasaan responden yang dengan lebih dekat dan mendalam seperti dalam Jadual 1.7. Rudestam dan Newton (2001)



mencadangkan agar penyelidik kualitatif menyediakan set soalan terlebih dahulu dan mengubah set soalan itu mengikut kesesuaian temu bual yang bakal dijalankan. Soalan temu bual yang disediakan berasaskan kajian lepas dan pendekatan teoritikal yang digunakan dalam kajian ini. Walaupun begitu, penyelidik tidak terikat dengan soalan yang telah disediakan. Dengan kata lain, penyelidik juga memberikan kebebasan kepada para responden untuk memberi pendapat dan pengalaman masing-masing yang signifikan dengan kajian.

Jadual 1.7 merujuk kepada fokus temu bual yang dijalankan oleh penyelidik untuk merekod data kajian melalui tiga fasa. Fasa pertama ialah untuk mengetahui latar belakang dan makumat responden, fasa kedua ialah untuk mengetahui maklumat yang mendalam terhadap sesuatu skop kajian dan fasa ketiga adalah memfokuskan pemantauan terhadap semakan dokumen dan pemerhatian di kawasan kajian yang terlibat. Panduan dan fokus kajian ini menjadi menunjuk arah kepada penyelidik untuk memahami data kajian yang diperolehi sepanjang tempoh temu bual dijalankan.

Jadual 1.7

Fokus temu bual

Fasa	Fokus temu bual
Fasa 1	Sesi pengenalan dan mendapatkan latar belakang dan maklumat responden termasuk jantina, umur, pekerjaan subjek kajian.
Fasa 2	Sesi lebih berfokus kepada persoalan kajian yang memerlukan penjelasan lanjut. Persoalan-persoalan kajian termasuklah mengenal pasti aktiviti pencegahan jenayah yang dianjurkan oleh pihak yang terlibat di kawasan mereka dan penglibatan masyarakat terhadap aktiviti pencegahan jenayah yang dianjurkan.
Fasa 3	Sesi ini lebih berfokus kepada pemantauan dan penyeliaan yang dilakukan dengan membuat semakan dokumen dan pemerhatian.

1.6.7 Analisis Data

Bagi tujuan penganalisisan data kualitatif, penyelidik membuat transkripsi rakaman temu bual secara lisan, mengekod tema-tema tertentu dan membuat analisis berdasarkan data yang diperolehi. Selain itu, penyelidik juga menggunakan hasil pemerhatian dan rekod yang terkumpul melalui semak silangan untuk tujuan mengukuhkan hasil dapatan kajian ini (Jasmi, K. A., 2012).


Semak silangan ini penting untuk memastikan ketepatan data dengan menerapkan teknik triangulasi. Caranya dengan menemubual “pihak ketiga” yang menguasai topik yang sedang dikaji atau dengan dokumen yang berkaitan dengan isi perbicaraan.

Selain itu, setiap kali selesai temu bual dengan subjek pengkajian, penyelidik harus meluangkan waktu untuk menuliskan kembali hasil temu bual tersebut dalam bentuk catatan harian. Hal ini sangat penting untuk dilakukan supaya setiap maklumat yang tidak terungkap seperti memek muka, *gesture* tubuh dan senyuman boleh melambangkan sesuatu keterangan itu berkemungkinan bukan seperti yang ingin diucapkan (Jasmi, K. A., 2012).

Pada amnya, analisis data atau dokumen ialah pecahan kaedah pengumpulan data kajian daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dengan kata lain, bahagian mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah didokumentasikan (Sabitha Marican, 2005: 97; Babbie, 2010: 332).

Tujuan pengekodan ini dilakukan adalah untuk memudahkan penyelidik membuat penganalisisan dan melakukan *audit trail* jika diperlukan dalam kajian.

Melalui hasil kajian ini, nama dan latar belakang subjek atau responden tidak didedahkan oleh penyelidik bagi menjaga kerahsiaan subjek dan organisasi yang diwakilinya. Contoh pengekodan kajian untuk temu bual adalah seperti dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1. Contoh pengekodan data kajian kualitatif

Setelah itu, pengekodan juga dilakukan melalui data pemerhatian dan hasil semakan dokumen. Tema-tema juga dibentuk bagi memudahkan penyelidik membuat triangulasi antara temu bual, pemerhatian dan semakan dokumen. Oleh itu, langkah selanjutnya adalah dengan menggabungkan dapatan agar mampu menyokong data-data kualitatif dan sekaligus menjawab persoalan kajian ini. Oleh itu, analisis data yang didapati dalam bentuk peratusan, jadual dan graf dibentuk supaya setiap data yang dikumpul dan dianalisis mudah difahami.

1.6.8 Triangulasi Data

Triangulasi ialah kombinasi beragam sumber data, tenaga pengkaji, teori dan teknik metodologi dalam suatu pengkajian atas gejala sosial. Triangulasi diperlukan kerana

setiap teknik memiliki keunggulan dan kelemahannya tersendiri. Oleh itu, triangulasi memungkinkan tangkapan realiti secara lebih tepat dan valid. Terdapat empat bentuk triangulasi (Denzin, 1978):

1. Triangulasi data; iaitu penggunaan beragam sumber data dalam suatu pengkajian.
2. Triangulasi pengkaji; iaitu penggunaan beberapa pengkaji yang berbeza disiplin ilmunya dalam suatu pengkajian.
3. Triangulasi teori, iaitu penggunaan sejumlah perspektif dalam menafsir satu set data.
4. Triangulasi teknik metodologi, iaitu penggunaan sejumlah teknik dalam suatu pengkajian.

Dalam sesebuah kajian kualitatif, lagi banyak ditriangulasikan maka lagi tinggi ketepatan fakta dan lagi kuat keesahannya. Justeru itu, triangulasi data amat diberi perhatian dalam meningkatkan mutu data. Penyelidik menggunakan teknik triangulasi data dan triangulasi metodologi bagi mendapatkan maklumat yang pelbagai dan bertepatan dengan skop kajian yang dikaji.

Setiap data yang diperolehi ini direkodkan dalam catatan lapangan atau diari sebagai instrumen penting dengan pelbagai teknik pengumpulan data kualitatif. Tiga jenis catatan harian yang direkodkan iaitu;

- i) catatan fakta; iaitu fakta kualitatif hasil pemerhatian dan temu bual dalam bentuk huraian terperinci atau kutipan secara langsung.
- ii) Manakala, catatan teori ialah hasil analisis pengkaji di lapangan untuk menyimpulkan struktur masyarakat yang dikaji dan merumuskan hubungan

antara topik (variable) penting pengkajinya secara induktif sesuai dengan fakta di lapangan.

- iii) Catatan metodologi melalui pengalaman penyelidik ketika menerapkan kaedah kualitatif di kawasan kajian lapangan.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian dinilai apabila sesuatu kajian tersebut menyumbang kepada percambahan pengetahuan atau *body of knowledge*. Permasalahan tentang isu jenayah dan mekanisme pencegahan jenayah masih tiada penyelesaian sehingga kini di peringkat antarabangsa. Oleh sebab itu, kajian yang memfokuskan hak masyarakat untuk mendapatkan keselamatan awam terpelihara dan mekanisme pencegahan jenayah

adalah sangat penting. Hal ini kerana kajian ini menjelaskan secara terperinci tentang aspek keselamatan awam dan isu-isu jenayah yang dibahaskan di peringkat global dan tempatan.

Bagi mendapatkan hasil kajian yang komprehensif, kajian ini memantapkan lagi metodologi kajian berbanding dengan kajian terdahulu, iaitu dengan menggabungkan analisis dari segi teori dan praktis yang sesuai. Kekuatan data kajian ini disokong oleh data ditambah dengan data primer yang diperoleh daripada pengalaman penyelidik sendiri untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian ini.

Menerusi pendekatan kajian di atas, kepentingan kajian ini adalah untuk mengayakan literatur dengan mencadangkan model mekanisme pencegahan jenayah dalam kalangan masyarakat. Kajian ini membantu merungkaikan isu-isu terkini yang membelenggu masyarakat dengan menggunakan pendekatan dan sumber yang baharu.



Kajian ini merupakan kesinambungan kepada kajian-kajian terdahulu berkaitan dengan isu jenayah.

Berdasarkan kepentingan dan dapatan kajian ini, terdapat beberapa impak yang boleh memberikan sumbangan kepada dunia akademik, penggubal dasar dan masyarakat secara umumnya. Kajian ini dapat menjelaskan secara terperinci tentang teori jenayah dalam pelaksanaan mekanisme pencegahan jenayah di negara Malaysia. Hasil kajian ini juga penting dalam menyumbangkan kepada setiap perkembangan mekanisme pencegahan jenayah itu sendiri.

Tambahan pula, kajian ini juga diharap mampu untuk memberikan penjelasan dan pemahaman kepada masyarakat tentang kepentingan peranan masyarakat dalam usaha mencegah jenayah bersama-sama pihak kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat awam khususnya. Hal ini kerana sesuatu pelaksanaan itu tidak akan berjaya tanpa campur tangan masyarakat. Malahan, masyarakat ialah kelompok majoriti dalam sesebuah negara. Sewajarnya, masyarakat perlu berasa bertanggungjawab untuk bersama-sama mencegah jenayah demi mengekalkan keharmonian negara kita sendiri. Masyarakat yang celik akan mencetuskan perkembangan perubahan untuk bergerak lebih maju, yang seterusnya melahirkan sebuah negara yang bertamadun kerana masyarakat adalah asas kepada pembentukan tamadun sesebuah negara.

Kajian ini juga signifikan dari segi aspek amalan pelaksanaan mekanisme pencegahan jenayah kepada badan berkuasa kerajaan Malaysia, organisasi, institusi-institusi dan pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan sama ada di peringkat domestik mahupun peringkat antarabangsa kerana cadangan dan rumusan ini diharap dapat memberikan manfaat kepada mereka dan pelbagai lapisan masyarakat umumnya.



Kajian ini diharap dapat merungkaikan permasalahan jenayah yang berlaku dalam kalangan masyarakat menerusi rumusan dan cadangan kajian.

1.8 SKOP KAJIAN

Dalam menjadikan kajian ini lebih berfokus, kajian ini menggariskan beberapa skop seperti yang berikut:

- i. Kajian ini memfokuskan kepada masyarakat di negeri Perak sahaja dan tidak melibatkan negeri-negeri di seluruh Malaysia. Hal ini kerana negeri Perak merupakan negeri yang kedua terbesar di Semenanjung Malaysia selepas Pahang, dan keempat terbesar di Malaysia. Oleh sebab itu, secara demografinya, negeri Perak mempunyai banyak penduduk dan kadar pertumbuhan masyarakat tahunan adalah sebanyak 0.4%. Selain itu, jumlah populasi penduduk di negeri Perak pada tahun 2010 adalah sebanyak 2,352,743 orang berbanding dengan tahun 2000 yang hanya sebanyak 2,030,382 orang. Pertumbuhan sebanyak 322,361 orang jelas menunjukkan populasi penduduk di negeri Perak semakin bertambah dan sesuai untuk dijalankan kajian semasa.

- ii. Kajian ini memfokuskan dua kawasan di Ipoh dan Taiping sebagai lokasi kajian lapangan. Pemilihan komuniti dan kampung secara spesifik ini penting untuk memfokuskan pengumpulan data, menganalisis data, dan menilai dari aspek undang-undang dan sosiologi mengikut tema. Kajian ini hanya melibatkan masyarakat Perak dari Kampung Tengku Hussin di Ipoh, Perak dan Kampung Pinang di Taiping, Perak. Komuniti ini melibatkan perbezaan pelaksanaan program pencegahan jenayah di dua buah kawasan yang berbeza. Kampung



Tengku Hussin di Ipoh, Perak merupakan kawasan di pinggir bandar yang tinggi kadar jenayahnya manakala Kampung Pinang di Taiping, Perak merupakan kawasan yang rendah jenayah dan masyarakatnya aktif dalam penglibatan program pencegahan jenayah.

- iii. Untuk menilai amalan program pencegahan jenayah di peringkat antarabangsa yang diamalkan di luar negara, kajian ini hanya memfokuskan kepada amalan mekanisme program pencegahan jenayah di negara United Kingdom bagi mewakili negara maju dan Jepun bagi mewakili negara maju serantau Asia. Kedua-dua negara ini dipilih berdasarkan *ranking Global Peace Index (GPI)* 2017 dan 2018.

1.9 RUMUSAN



Bab ini memberikan gambaran tentang pembentukan kajian yang menekankan penilaian mekanisme pencegahan jenayah dan amalannya dalam masyarakat. Selain itu, bab ini telah menjelaskan permasalahan kajian seterusnya menetapkan objektif kajian yang akan dicapai. Lantaran statistik jenayah yang membimbangkan, kelompongan pelaksanaan mekanisme dan program pencegahan jenayah dalam kalangan masyarakat menyebabkan penyelidik terdorong untuk menjalankan kajian ini seterusnya mencadangkan mekanisme pencegahan jenayah yang sesuai untuk diamalkan dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Bab seterusnya membincangkan tinjauan literatur daripada kajian-kajian penyelidik lepas tentang takrifan konsep, maksud istilah tertentu, mekanisme pencegahan jenayah dan teori-teori yang berkaitan dengan pencegahan jenayah. Selain





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

36

itu, perbincangan bab seterusnya juga membincangkan tentang faktor-faktor dan kesan-kesan perlakuan jenayah umumnya di negara Malaysia.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi